



TEKS UCAPAN

**YBRS. PUAN SALINAH BINTI ISMAIL
TIMBALAN PENGARAH KANAN
INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)**

**DI PERHIMPUNAN BULANAN INTAN
ANJURAN KLUSTER PENGAJIAN PEMBANGUNAN PENGURUSAN
DAN INOVASI (INOVASI)**

**TARIKH : 27 JULAI 2021 (SELASA)
TEMPAT : AUDITORIUM INTAN BUKIT KIARA /
SECARA DALAM TALIAN
TEMA : TEGUH BERSAMA**

SALUTASI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan masih belum terlalu lewat untuk saya ucapkan Salam Aidil Adha bagi tahun 1442 Hijrah yang telah kita rayakan dengan penuh kesederhanaan pada 20 Julai yang lalu.

Terima kasih kepada Saudara Pengacara Majlis;

- Yang Berusaha Dr. Salmah binti Sathiman, Ketua Kluster Pengajian Pembangunan Pengurusan dan Inovasi;
- Ketua-ketua Kluster;
- Felo-Felo Penyelidik Kanan;
- Pendaftar;
- Pengarah-pengarah Wilayah;
- Tuan-tuan dan puan-puan warga INTAN yang dikasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Robbul Izzati kerana dengan limpah kurnia dan inayat-Nya jua maka dapat kita bersama-sama pada pagi ini mengimarahkan Perhimpunan Bulan INTAN yang bertema “Teguh Bersama”.
2. Dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Dr. Kamaruddin Min, mantan Pengarah INTAN di atas sumbangan jasa yang diberikan sepanjang menerajui INTAN. Kita doakan semoga beliau sihat sejahtera dan dirahmati Allah.

Tema: Teguh Bersama

Warga INTAN yang dihormati sekalian

3. Pada masa ini kita sedang berhadapan dengan suatu realiti yang benar-benar menduga. Bukan sahaja di negara kita, bahkan di seluruh dunia. Covid-19 menuntut daya tahan negara dan seluruh rakyat untuk satu tempoh masa yang bukan singkat. Banyak peristiwa yang terjadi di luar jangkauan pemikiran kita. Rutin hidup seharian manusia berubah. Antara yang tidak pernah terlintas bahawa kita tidak boleh bersalaman dengan kaum keluarga atau sahabat handai. Tidak dijangka juga, kehilangan ibu ayah atau orang terdekat secara mengejut dalam skala yang begitu besar dalam negara yang aman ini.
4. Salah satu harapan yang ada untuk mengekang ia daripada berterusan ialah dengan mencapai imuniti kelompok iaitu 80% penduduk mendapat vaksinasi Covid-19. Namun pastinya sedikit masa diperlukan. Ia dijangkakan hanya akan dapat dicapai pada akhir tahun 2021. Sehingga 25 Julai 2021, seramai 11,797,708 orang telah menerima dos pertama iaitu sekitar 36.1% daripada rakyat dewasa di Malaysia telah mendapat suntikan vaksin pertama dan 16.9% telah lengkap menerima kedua-dua dos vaksinasi¹. Alhamdulillah, saya dimaklumkan bahawa hampir 80% warga INTAN telah mendapat vaksin pertama dan 21% telah lengkap mendapat kedua-dua dos vaksin² (Data sehingga 15 Julai 2021).

¹ <https://www.vaksinovid.gov.my/statistik>; <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/824938>

² Pejabat Pendaftaran INTAN dan Pentadbiran Kluster INOVASI

5. Mengambil kira akan kesan pandemik dan pemulihannya mengambil sedikit masa, maka pertahanan negara amat bergantung kepada keteguhan rakyat. Usaha secara kolektif sama ada sebagai individu, sebuah keluarga, komuniti seterusnya keseluruhan rakyat untuk mematuhi SOP iaitu mengamalkan norma baharu adalah amat penting dalam kehidupan seharian. Keteguhan bersama di kalangan kita diharapkan akan menjadi benteng untuk mencapai kejayaan kepada pelan pemulihan negara sepertimana yang dirancang. Maka dengan itu, tema perhimpunan hari ini iaitu **Teguh Bersama** dipilih.

REALITI CABARAN HARI INI

Warga INTAN yang dihormati sekalian,

6. Covid-19 mengubah lanskap dunia dari aspek sosioekonomi. Menurut ramalan Bank Dunia (Jun 2020), ekonomi global menyusut sebanyak 5.2% pada 2020 iaitu kadar terburuk direkodkan sejak perang dunia kedua. Kesan paling ketara melibatkan negara yang banyak pergantungan pada perdagangan global, pelancongan, eksport komoditi, dan pembiayaan luar. Selain daripada itu, pandemik ini juga memberi kesan kepada pembangunan sumber manusia dalam bidang pendidikan dan akses penjagaan kesihatan bagi sakit yang lain³.
7. Bagi tahun 2021 pula, Bank Dunia meramalkan ekonomi dunia akan mengalami pemulihan di mana dijangka akan berkembang 5.5%. Namun, pemulihan ini tidak sekata di antara negara maju dan miskin

³ <https://www.worldbank.org/en/news/press-release/2020/06/08/covid-19-to-plunge-global-economy-into-worst-recession-since-world-war-ii>

di mana negara-negara ini masih berusaha untuk mengembalikan ekonomi dan sosial rakyat melalui penyuntikan vaksin sebagai prasyarat kepada pemulihan ekonomi⁴.

8. Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan Covid-19. Dalam konteks negara, salah satu cabaran ialah bagaimana untuk mengerakkan ekonomi dalam masa yang sama melindungi rakyat daripada virus Covid-19 yang memberi impak kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan.
9. Tanpa banyak pilihan untuk mengawal virus ini maka kerajaan terpaksa melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang turut telah dilaksanakan di negara-negara lain. Ini menyebabkan sektor ekonomi terutama yang tidak kritikal terpaksa menghentikan operasi. Banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan, termasuk gaji pekerja sehingga terpaksa menutup operasi.
10. Lebih membimbangkan, dijangkakan 1.5 juta usahawan PKS bakal gulung tikar jika keadaan pandemik ini berterusan⁵. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi juga melaporkan bahawa lebih 90% usahawan mikro, kecil, sederhana (PMKS) dan informal menghadapi risiko penutupan perniagaan sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berterusan⁶,

⁴ Global Economic Prospects, Jun 2021

<https://thedocs.worldbank.org/en/doc/600223300a3685fe68016a484ee867fb-0350012021/original/Global-Economic-Prospects-June-2021.pdf>.

⁵ <https://www.utusan.com.my/ekonomi/2020/07/1-5-juta-pks-bakal-gulung-tikar/>

⁶ <https://www.terkini247.info/2021/06/ekonomi-lebih-90-peratus-usahawan-pmks.html>

11. Penutupan perniagaan itu akan menyebabkan lebih tujuh juta rakyat dijangka hilang pekerjaan dengan anggaran setiap daripadanya mempunyai dua orang tanggungan, mengakibatkan lebih 14 juta rakyat akan terjejas⁷. Daripada segi kerugian negara pula, ketika PKP pertama dahulu, negara mengalami kerugian sebanyak RM2.4 bilion sehari namun telah berkurangan kepada RM300 juta sehari sejak pelaksanaan PKP 2.0⁸.
12. Sehingga Mei 2021, kadar pengangguran ialah 4.5% iaitu melibatkan 728,100⁹ orang. Kehilangan pekerjaan menyebabkan individu terpaksa menggunakan simpanan, meminjam dan mengadaikan aset tertentu. Menurut kajian oleh UKM terhadap responden yang bekerja sendiri, berlaku penyusutan simpanan sebanyak 65% dan peningkatan hutang sebanyak 27.2%¹⁰.
13. Bagi membantu meringankan beban dan tekanan yang dihadapi oleh rakyat, pelbagai pakej rangsangan ekonomi telah diumumkan oleh kerajaan. Antaranya, Pakej Rangsangan Ekonomi Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan i-Lestari telah disediakan oleh kerajaan.
14. Namun, kesan pandemik tidak mudah untuk dihentikan ibarat semudah menutup suis. Di luar sana, pelbagai kesulitan dilaporkan di dada akhbar. Amat menyedihkan apabila kita membaca laporan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bahawa seramai 468 kes

⁷ <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/836735/580000-syarikat-kecil-berisiko-tutup-operasi>

⁸ <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/03/679539/pkp-20-kerugian-negara-berkurang-kepada-rm300-juta-sehari>

⁹ DOSM

¹⁰ (BH, 9 Julai 2021).

bunuh diri telah direkodkan bagi tempoh Januari hingga Mei tahun 2021. Secara purata didapati bahawa dua kes dilaporkan berlaku setiap hari sejak tahun 2019 hingga Mei 2021 di mana jumlah keseluruhan kes bunuh diri bagi tempoh itu adalah 1,738 kes¹¹. Tiga punca utama kejadian bunuh diri ini adalah masalah keluarga, tekanan perasaan dan masalah kewangan dengan cara menggantung diri, terjun daripada bangunan dan meminum racun. Senario ini amat membimbangkan memandangkan ketiga-tiga punca utama ini adalah tidak asing bagi kita dan masyarakat di sekeliling kita.

15. Jadi, saya berharap penjawat awam khususnya warga INTAN dan menunjukkan sikap prihatin kepada jiran-jiran atau komuniti sekeliling kita tanpa mengira siapa. Bertanyalah khabar dan bantulah mengikut kemampuan. Berilah walaupun sedikit kerana ia merupakan pekerjaan yang mulia dan sudah pasti kita bakal mendapat balasan yang baik daripada Allah kelak

KOMITMEN BERTERUSAN WARGA INTAN

Warga INTAN yang dihormati sekalian,

Hargai Pekerjaan dan Tuntut Ilmu

16. Kita patut bersyukur kerana masih mempunyai pekerjaan yang tidak terjejas di waktu negara berhadapan dengan cabaran pandemik ini. Di luar sana banyak kata-kata tohmahan dilontarkan melalui media

¹¹ <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/kes-bunuh-diri-sudah-catat-1738-kes/>

sosial yang mempertikaikan kewajaran gaji penjawat awam di saat mereka di luar sana hilang punca pendapatan. **Jadi, saya berharap, kita menjadi insan yang sentiasa bersyukur dan sayang akan pekerjaan yang kita ada.** Gunakalah masa yang ada untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran. Ini kerana ilmu adalah makanan kepada jiwa seperti mana yang diucapkan oleh Plato¹². Di dalam ilmu itu ada adab yang mempengaruhi perilaku kita. Ia amatlah penting lebih-lebih lagi warga INTAN merupakan *role model* kerana di sinilah sahsiah penjawat awam dibentuk. Kita semua harus bekerjasama dan bersatu teguh untuk meneruskan perjuangan untuk keluar daripada kemelut pandemik ini. Memetik kenyataan Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara pada 14 Julai yang lalu, beliau menegaskan bahawa Perkhidmatan Awam akan terus komited dan responsif terhadap keperluan semasa berpandukan data serta maklumat tepat dan terkini dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar, tindakan dan operasi yang telah diputuskan oleh Kerajaan.

Integriti

17. Sebagai sebuah institusi latihan dalam jentera Kerajaan, INTAN perlu meneruskan usaha sebagai nadi dan tunjang pembangunan negara melalui pembangunan modal insan yang cekap, mempunyai jati diri yang kuat dan efisien. Usaha untuk meningkatkan kesedaran penjawat awam tentang integriti perlu dipergiatkan. Berdasarkan kepada Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International (TI) , Malaysia jatuh ke kedudukan 57 berbanding kedudukan ke 51/180 buah negara pada tahun 2020. Ini menunjukkan kita belum lagi berada ditahap yang baik dan integriti masih lagi kekal menjadi

¹² Knowledge is the food of soul.

cabaran besar negara¹³. Dalam hal ini, Pelan Antirasuah Negara (NACP) 2019-2023 seharusnya menjadi rujukan dan diserapkan di dalam kursus-kursus INTAN mengikut kesesuaian.

Integriti Semasa Bekerja Dari Rumah (BDR)

18. Pandemik Covid-19 menyebabkan semua negara yang terjejas melaksanakan Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR). BDR ini bukanlah asing terutama di negara-negara maju. Contohnya, 50% daripada pekerja dalam perkhidmatan profesional dan perniagaan, kewangan di Amerika Syarikat melaksanakan BDR¹⁴. Di dalam perkhidmatan awam, BDR telah dilaksanakan sejak mula kita melaksanakan PKP mulai 18 Mac 2020 iaitu sehingga hari ini telah menjadi 497 hari. Pelaksanaan BDR ini menuntut kesedaran dan integriti yang amat tinggi. Integriti seharusnya berada di dalam diri, jujur kepada diri. Harapan saya, **setiap warga dapat menjaga integriti masing-masing walau di mana jua berada**. Fikir dan tanyalah diri sebelum membuat sesuatu di luar landasan kehidupan.

19. Di sesetengah organisasi terdapat beberapa kaedah yang dilaksanakan untuk pemantauan. Contohnya mengetip kedatangan secara maya, *share location* dan membuat telefon mengejut bagi memastikan pegawai benar-benar berada dan bekerja di rumah. Namun di INTAN, **trust atau kepercayaan** itu paling utama. Penilaian dibuat berdasarkan output yang dihasilkan dalam tempoh yang ditetapkan. Jadi, **janganlah kita abaikan kepercayaan yang**

¹³ <https://www.utusan.com.my/berita/2021/01/indeks-persepsi-rasuah-malaysia-jatuh-enam-tangga/>

¹⁴ <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/adakah-bekerja-dari-rumah-benarbenar-berfungsi-272651>

diberikan kepada kita kerana ia datang daripada *stakeholder* yang berharap kita melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya.

COVID-19 MERANGSANG INOVASI

Warga INTAN yang dihormati sekalian,

20. Setiap yang berlaku terselindung hikmahnya. Cabaran ini membuat kita berfikir dan mencetuskan idea-idea kreatif dan inovasi. Perubahan berlaku yang mewujudkan norma baharu antaranya daripada aspek pendidikan dan keusahawanan di mana pembelian jualan dibuat secara dalam talian.

Inovasi di INTAN

21. Dalam konteks pengoperasian INTAN sebagai sebuah institusi latihan awam, kaedah pembelajaran secara dalam talian telah mengambil alih sistem pembelajaran. Jika sebelum pandemik, perkataan zoom, google meet jarang-jarang didengar. Namun kini ia sudah tidak asing lagi. Bukan sahaja di kalangan profesional, malah warga INTAN daripada kumpulan pelaksana juga memuat turun aplikasi tertentu ke dalam telefon bimbit mereka untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam sebarang mesyuarat atau sesi pembelajaran secara dalam talian. Pada awalnya kelihatan asing dan canggung. Namun kini, ia semakin diterima dan memudahkan tanpa perlu adanya pergerakan ke pejabat. Senario ini boleh pula dilihat sebagai suatu tindakan inovatif dalam diri seseorang penjawat awam.

22. Aplikasi teknologi juga telah merapatkan jurang di antara INTAN dan peserta kursus. Para peserta dapat berinteraksi dengan baik, dan penceramah pula tampil dengan pembangunan bahan kursus yang lebih interaktif, praktikal dan pelbagai sesuai dengan keadaan pembelajaran secara dalam talian. Penggunaan *blended learning* antara ceramah, kuiz atas talian, *role-play* dan pendekatan lain yang berbentuk gamifikasi, membuatkan kursus-kursus INTAN lebih inovatif dan kreatif dalam mencapai objektif pembelajaran. Ini dibuktikan berdasarkan respon yang diterima oleh penceramah apabila selesai sesuatu kursus. Tahniah saya ucapkan. Ia secara tidak langsung mempercepatkan lagi tranformasi negara ke arah IR4.0.
23. Dari sudut kehadiran peserta bagi program-program anjuran INTAN pula, sudah tidak terhad mengikut zon dan wilayah tertentu. Dengan kursus-kursus secara dalam talian, peserta daripada pelbagai agensi dan jabatan di seluruh negara dapat mengikut kursus mengikut keperluan mereka di mana-mana kampus yang menawarkannya. Kapasiti penerimaan bilangan peserta juga telah dapat ditingkatkan berbanding secara fizikal. Statistik daripada Sistem Pengurusan Maklumat Latihan INTAN atau DTIMS menunjukkan peningkatan bilangan peserta di mana bagi tahun 2020, seramai 17,113 orang peserta telah mengikuti kursus INTAN manakala bagi tempoh Januari hingga awal Julai tahun 2021, seramai 16,804 orang telah menyertai kursus INTAN¹⁵.
24. Pengurusan kursus juga menjadi semakin cekap apabila memperlihatkan penjimatan kos yang agak ketara dari segi

¹⁵ DTIMS INTAN – Maklumat daripada Kluster i-IMATEC

penyediaan sajian kepada peserta, tuntutan penginapan dan perjalanan pegawai kerana kursus secara dalam talian. Bahan-bahan latihan juga tidak lagi dibekalkan secara bercetak dan bahan-bahan kursus secara fizikal telah tiada sama sekali. Penjimatan secara makro ini merupakan sesuatu yang positif ke arah menjimatkan belanja mengurus negara.

25. Selari dengan keadaan semasa ini juga, **kita perlu melihat kepada aspek-aspek bidang latihan baharu yang diperlukan oleh penjawat awam.** Ini bagi menjadikan INTAN sebuah organisasi yang *agile dan kekal* sebagai sebuah institusi latihan awam yang unggul.

PENUTUP BICARA

Hadirin yang dihormati sekalian,

26. Sebagai menyimpul bicara, terima kasih sekali lagi diucapkan kepada seluruh warga INTAN yang menyertai perhimpunan bulanan ini. Terima kasih dan tahniah juga dipanjangkan kepada penganjur PBI pada bulan ini iaitu Kluster INOVASI, YBrS. Dr. Salmah dan pasukan atas komitmen dan kesungguhan untuk menganjurkan perhimpunan pada kali ini.
27. Akhir sekali, harapan saya agar tradisi mengadakan Perhimpunan Bulanan INTAN ini dapat mencapai objektifnya dan dapat menjadi platform mengukuhkan kita semua. Walaupun kita tidak dapat bertemu secara bersemuka, kita semua jauh tetapi dekat, dekat tetapi jauh, namun dengan semangat satu INTAN yang kita amalkan, InsyaAllah akan dapat mendekatkan kita dan menjadikan kita sebuah

organisasi yang kuat, cemerlang dan berdaya saing. Dalam masa yang sama, jangan kita lupa akan usaha keras kita untuk melandaikan keluk pandemik Covid-19. **Teguh bersama** dalam mendepani cabaran untuk terus mara ke hadapan demi memartabatkan penyampaian latihan untuk pembangunan insan. Dengan kata-kata itu, maka saya akhiri ucapan saya pada hari ini.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.